




JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750
Faks : 089-773 688
Web : <https://tawau.anm.gov.my>



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (4)
Tarikh : 21 Ogos 2023

**Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau / Kunak / Semporna / Lahad Datu.**

Tuan/Puan,

PERINGATAN DAN PEMAKLUMAN TARikh AKHIR BAGI PENGETUARAN PESANAN KERAJAAN (BEKALAN DAN PERKHIDMATAN) DAN TANGGUNGJAN KONTRAK KERAJAAN (BEKALAN DAN PERKHIDMATAN) BAGI BULAN SEMASA DI SISTEM iGFMAS DAN ePEROLEHAN (PK5 DAN PK2)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas surat JANM(TAW).900-1 JLD.16 (3) bertarikh 21 Julai 2023 dan email JANM Sabah kepada Seksyen Dasar (D3) Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan bertarikh 22 Ogos 2023 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana pihak tuan/puan sedia maklum, pelaksanaan pengeluaran Pesanan Kerajaan adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan melalui AP169(d) dan PK 4.2 di mana Pesanan Kerajaan (PK) hendaklah **DIKELUARKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM BEKALAN / PERKHIDMATAN DIPEROLEHI** daripada pembekal. Ini bertujuan untuk memastikan proses tanggungan peruntukan dibuat terlebih dahulu (peruntukan telah tersedia) sebelum pesanan dibuat bagi memastikan tiada masalah dalam proses pembayaran kelak. Mana-mana peraturan berkaitan yang diperuntukkan melalui PK lain adalah juga tertakluk dan selaras dengan peraturan utama yang ditetapkan.

3. Tambahan pula ketetapan yang telah diperuntukkan di bawah PK5.1, perenggan 7.3 merupakan penetapan peraturan berkaitan tanggungjawab agensi bagi proses pengeluaran Pesanan Kontrak (CO) yang perlu dikeluarkan ke atas perolehan secara elektronik yang mana peraturan tersebut masih berdasarkan kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa. Perincian kepada proses ini dinyatakan melalui PK5.1 Lampiran 6 perenggan 6.2.1 iaitu Agensi hendaklah memastikan Pesanan Penghantaran telah dicipta semasa pembekalan/perkhidmatan dilaksanakan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan bersama **LAMPIRAN A** sebagai rujukan senario untuk makluman dan perhatian pihak tuan/puan. Pihak tuan/puan juga perlu memastikan surat JANM(TAW).900-1 JLD.16 (3) bertarikh 21 Julai 2023 menjadi rujukan bersama dengan surat ini.

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (4)
Tarikh : ~~25~~ Ogos 2023

5. Surat edaran ini **berkuat kuasa mulai 1 September 2023**

6. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan'

Saya yang menjalankan amanah,


(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau

LAMPIRAN A

SOALAN LAZIM

Situasi 1

Agensi membuat perolehan toner secara one-off dan pembekal menghantar toner pada 15 Ogos 2023. Adakah Agensi boleh mengeluarkan Pesanan Tempatan pada 15 Ogos 2023 (berdasarkan PK 5.1 iaitu pada bekalan diperolehi/ diterima)? Atau Agensi wajib mengeluarkan Pesanan Tempatan selewat-lewatnya pada 14 Ogos 2023 (berdasarkan PK2.10 - pesanan kerajaan dikeluarkan sebelum / pada tarikh bekalan dipesan)?

Maklum balas:

Agensi sewajarnya mengeluarkan Pesanan Kerajaan sebelum pembekalan/ penghantaran. Merujuk kepada situasi ini, tarikh akhir pengeluaran Pesanan Kerajaan adalah pada 15 Ogos 2023, sebelum penghantaran/ pembekalan barang oleh syarikat.

Situasi 2

Agensi telah menandatangani kontrak selama 3 tahun (01.02.2022 - 31.01.2025) untuk perkhidmatan sewaan mesin fotostat. Untuk sewaan bulan Ogos 2023, tarikh yang sepatutnya Agensi membuat tanggungan adalah pada 01.08.2023 (hari pertama sewaan bulanan bermula) (PK5) atau mana-mana tarikh dalam bulan Ogos atau selewat-lewatnya pada 31 Julai 2023 (PK2)?

Maklum balas:

Bagi keadaan yang melibatkan perkhidmatan secara berkala/ bulanan, Agensi sewajarnya mengeluarkan Pesanan Kerajaan sebelum perkhidmatan bermula pada bulan berikutnya iaitu bagi situasi yang dinyatakan adalah pada 31 Julai 2023 untuk perkhidmatan yang akan bermula pada 1 Ogos 2023. **Namun, tarikh akhir Pesanan Kerajaan yang boleh dikeluarkan bagi perkhidmatan seumpama ini adalah pada tarikh perkhidmatan bermula iaitu dalam situasi yang dinyatakan adalah pada 1 Ogos 2023.**